

**DALAM MAHKAMAH TINGGI MALAYA DI IPOH
DALAM NEGERI PERAK DARUL RIDZUAN
[SEMAKAN KEHAKIMAN NO. AA-25-25-07/2018]**

ANTARA

DINDINGS SOYA & MULTIFEED SDN BHD ... PEMOHON

DAN

- 1. KETUA PENGARAH PERHUBUNGAN PERUSAHAAN**
- 2. MENTERI SUMBER MANUSIA**
- 3. KESATUAN PEKERJA-PEKERJA PERKILANGAN
PERUSAHAAN MAKANAN ... RESPONDEN-
RESPONDEN**

Abstrak: Dalam menentukan kelayakan atau kompetensi kesatuan untuk mewakili pekerja-pekerja, Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan ('KPPP') perlu mengemukakan kepada Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja ('KPKS') untuk menjalankan suatu siasatan terhadap kesatuan dan bukan terhadap majikan. Siasatan terhadap entiti yang salah boleh menyebabkan siasatan yang telah dijalankan menjadi tidak sah. Dalam keadaan sedemikian, Mahkamah boleh mengarahkan KPPP mengemukakan semula kepada KPKS untuk menjalankan siasatan terhadap kesatuan.

PROSEDUR SIVIL: *Locus standi* - Semakan kehakiman - Permohonan untuk membatalkan keputusan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan ('KPPP') yang memutuskan kesatuan layak mewakili pekerja-pekerja pemohon - Sama ada pemohon adalah pihak yang terkilan dan mempunyai kepentingan yang sebenar dalam keputusan KPPP - Sama ada keputusan KPPP melibatkan pemohon sendiri

UNDANG-UNDANG BURUH: *Perhubungan perusahaan - Pengiktirafan - Penentuan kelayakan kesatuan mewakili pekerja-pekerja - Siasatan kelayakan atau kompetensi kesatuan - Sama ada siasatan perlu dijalankan terhadap kesatuan atau majikan - Sama ada hanya Menteri Sumber Manusia sahaja boleh menentukan dan memberikan pengiktirafan suatu kesatuan - Akta Perhubungan Perusahaan 1967, ss. 9(4B)(b), (5)*

UNDANG-UNDANG PENTADBIRAN: *Semakan kehakiman - Certiorari - Pembatalan keputusan Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan ('KPPP') yang memutuskan kesatuan layak mewakili pekerja-pekerja majikan - Pertikaian berkenaan proses penentuan kelayakan kesatuan - Siasatan telah dijalankan oleh Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja ('KPKS') terhadap majikan - Sama ada terdapat keterangan di hadapan Mahkamah yang menunjukkan bahawa KPKS telah menentukan kompetensi kesatuan secara betul - Sama ada Mahkamah boleh mengarahkan KPPP untuk mengemukakan semula kepada KPKS untuk menjalankan siasatan dalam menentukan kelayakan kesatuan - Sama ada KPPP boleh mengadakan undi rahsia sebelum mengemukakan laporannya kepada Menteri Sumber Manusia untuk pengiktirafan kesatuan*

[Permohonan pemohon dibenarkan sebahagian.]

Kes-kes yang dirujuk:

Alam Venture Sdn Bhd & Anor v. Abdul Aziz Abdul Majid & Ors [2015] 5 CLJ 1 FC (dirujuk)

Ashbridge Investments Ltd v. Minister of Housing and Local Government [1965] 1 WLR 1320 (dirujuk)

Cheah It Tee v. Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang & Ors [2019] 1 LNS 1581 CA (dirujuk)

Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union of Commercial Workers [1991] 1 CLJ Rep 159 SC (dirujuk)

Jye Tai Precision Industrial (M) Sdn Bhd v. Victoria Arulsamy [2008] 1 CLJ 760 CA (dirujuk)

Kumpulan Perangsang Selangor Bhd v. Zaid Mohd Noh [1997] 2 CLJ 11 SC (dirujuk)

Malayan Banking Bhd v. Association of Bank Officers Peninsular Malaysia & Industrial Court [1988] 1 CLJ Rep 183 SC (dirujuk)

Malaysian Trade Union Congress & Ors v. Menteri Tenaga, Air Dan Komunikasi & Anor [2014] 2 CLJ 525 FC (dirujuk)

Menara Panglobal Sdn Bhd v. Arokianathan Sivapiragasam [2006] 2 CLJ 501 CA (dirujuk)

Petroliam Nasional Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan [2003] 4 CLJ 625 FC (dirujuk)

R Rama Chandran v. Industrial Court of Malaysia & Anor [1997] 1 CLJ 147 FC (dirujuk)

Ranjit Kaur S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd [2010] 4 ILR 475, [2010] 8 CLJ 629 FC (dirujuk)

Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v. Transport Workers Union [1995] 2 CLJ 748 CA (dirujuk)

Perundangan yang dirujuk:

Akta Perhubungan Perusahaan 1967, s. 9(2), (4A), (4B)(b), (4C), (5)

Akta Kesatuan Sekerja 1959, s. 71A

ALASAN PENGHAKIMAN**LATAR BELAKANG**

[1] Pada 2/8/2017 Pemohon, Dindings Soya & Multifeed Sdn Bhd (“DSM”) terima surat dari Responden ke-3 Kesatuan Pekerja-Pekerja Perkilangan Perusahaan Makanan (“R3”) untuk menuntut pengiktirafan (claim for recognition) menurut subseksyen 9(2) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, bagi semua pekerja DSM menjadi ahli R3 kecuali mereka yang berada dalam kapasiti Pengurusan, Eksekutif, Sulit atau Sekuriti.

[2] Melalui surat bertarikh 19/8/2017 dari DSM kepada R3, DSM menyatakan fakta bahawa pekerja-pekerja suatu syarikat lain yang menjalankan perniagaan sama seperti DSM iaitu Kerry Ingredients (M) Sdn Bhd adalah ahli R3 tidak boleh menjadikan asas untuk tuntutan pengiktirafan pekerja-pekerja DSM sebagai ahli R3 kerana Kerry Ingredients tiada kena mengena dengan DSM.

[3] Pada 7/12/2017, Responden Pertama (“R1”) memaklumkan keputusannya kepada DSM bahawa pekerja-pekerja DSM adalah termasuk dalam skop keahlian R3 dan R3 adalah suatu kesatuan pekerja yang kompeten untuk mewakili pekerja-pekerja DSM.

[4] DSM menulis surat bertarikh 22/2/2018 kepada R1 memaklumkan bahawa ia tidak berpuas hati akan keputusan R1 tersebut dan memohon R1 untuk menggantung sebarang proses pengiktirafan tersebut sehingga DSM mengambil tindakan semakan kehakiman di Mahkamah. Setelah tidak menerima apa-apa jawapan dari R1 atau Responden ke-2 (“R2”), DSM menulis suatu surat bertarikh 7/3/2018 kepada R1 untuk membawa kepada perhatian R2 bagi memutuskan mengenai isu kompetensi R3 menurut subseksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

[5] Setelah masih tidak menerima sebarang jawapan dari R1 dan R2, DSM memfailkan Permohonan Semakan Kehakiman terhadap R1, R2 dan R3 pada 19/4/2018 dan menyerahkan permohonan itu kepada R1 pada 23/4/2018 (“JR 23/4/2018”). Antara lain, JR 23/4/2018 ini memohon-

- (i) Perintah *Certiorari* bagi pembatalan keputusan R1 bertarikh 21/3/2018 yang memutuskan R3 adalah layak mewakili pekerja-pekerja DSM;
- (ii) Perintah *Mandamus* untuk mewajibkan R1 merujuk kepada R2 untuk memaklumkan keputusan siasatan kompetensi R3 menurut subseksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- (iii) Proses pengikrafan ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah dalam JR 23/4/2018 ini;
- (iv) Proses Undi Rahsia (secret ballot) pada 26/4/2018 diberhentikan sehingga keputusan Mahkamah dalam JR 23/4/2018 ini.

[6] Namun demikian, melalui e-mel bertarikh 24/4/2018, DSM telah dimaklumkan oleh R1 bahawa Jabatan Perhubungan Perindustrian telah memutuskan untuk meneruskan proses Undi Sulit pada 26/4/2018 memandangkan tiada sebarang Perintah Mahkamah yang diserahkan kepada mereka bagi memberhentikan proses itu.

[7] Memandangkan proses Undi Sulit itu telah diteruskan pada 26/4/2018, DSM telah menarik balik JR 23/4/2018.

[8] Seterusnya pada 23/7/2018 DSM telah memfailkan semula suatu permohonan semakan kehakiman terhadap ketiga-tiga pihak yang sama seperti JR 23/4/2018, yang sekarang di hadapan Mahkamah ini. Antara lain, semakan kehakiman ini memohon-

- (i) Pengisytiharan bahawa proses Undi Rahsia yang telah dijalankan pada 26/4/2018 serta keputusannya adalah tidak sah dan terbatal;
- (ii) Perintah *Certiorari* untuk membatalkan keputusan R1 yang memutuskan R3 adalah layak mewakili pekerja-pekerja DSM;
- (iii) Perintah *Mandamus* untuk mewajibkan R2 menentukan kompetensi R3 dan memaklumkan DSM keputusannya;
- (iv) Proses tuntutan pengiktirafan dan “collective bargaining” oleh R3 ditangguhkan sehingga keputusan Mahkamah ini dalam permohonan semakan kehakiman ini.

[9] Antara lainnya, alasan-alasan DSM bagi menyokong permohonannya adalah-

- (i) R1 telah bertindak melebihi had kuasanya;
- (ii) R1 gagal mengambil kira bantahan DSM terhadap kompetensi R3 mewakili pekerja-pekerja DSM dan meneruskan proses Undi Rahsia pada 26/4/2018;
- (iii) R1 gagal merujuk bantahan DSM kepada R2 mengenai kompetensi R3 menurut subseksyen 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967;
- (iv) R1 bertindak secara arbitrari dan melampaui bidang kuasanya mengikut maksud “Wednesbury Unreasonableness”.

DAPATAN

[10] Bagi membolehkan Mahkamah ini mempertimbangkan permohonan Pemohon, perkara pertama yang perlu ditunjukkan oleh

Pemohon ialah beliau mempunyai *locus standi* untuk membuat permohonan ini. Ujian yang terpakai adalah Pemohon mesti menunjukkan bahawa dia adalah seorang yang “adversely affected” oleh keputusan R1, seperti diputuskan oleh Mahkamah Persekutuan dalam *Malaysian Trade Union Congress & Ors v. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi & Anor* [2014] 2 CLJ 525. Mahkamah ini dapati Pemohon memanglah seorang yang “adversely affected” dan mempunyai kepentingan yang sebenar dalam keputusan R1 yang menjadi isu dalam permohonan ini kerana keputusan R1 itu melibatkan Pemohon sendiri.

[11] Prinsip yang digunakan dalam sesuatu permohonan semakan kehakiman adalah sedia terungkai seperti diputuskan dalam *Chief Constable of the North Wales Police v. Evans* [1982] 3 All ER 141 iaitu:

“Judicial review is concerned, not with the decision, but with the decision-making process. Unless that restriction on the power of the court is observed, the court will in my view, under the guise of preventing abuse of power, be itself guilty of usurping power.”

[12] Pendekatan ini disahkan oleh Mahkamah Agung Malaysia dalam kes *Harpers Trading (M) Sdn Bhd v. National Union of Commercial Workers* [1991] 2 CLJ 881; [1991] 1 CLJ (Rep) 159 di mana Jemuri Serjan HMP (pada waktu itu) menyatakan:

“It seems to us that it should be treated as trite law that judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made and the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself, on the merits of the facts, was fair and reasonable. There is no dearth of authorities on this proposition...”

.... On the authorities quoted above it is not the function of the High Court in exercise of its supervisory jurisdiction to hear a dispute 'de novo' and decide it on its merits."

[13] Prinsip mengenai semakan kehakiman seterusnya dijelaskan dengan terperinci oleh Mahkamah Rayuan dalam kes *Menara Panglobal Sdn Bhd v. Arokianathan Sivapiragasam* [2006] 2 CLJ 501 di mana Mohd Ghazali Yusoff HMR (pada waktu itu) memutuskan:

"From the authorities discussed above, I would think that in dealing with judicial review a judge should have the following principles, inter alia, in the forefront of his mind:

- (i) judicial review is not an appeal from a decision but a review of the manner in which the decision was made;*
- (ii) the High Court is not entitled on an application for judicial review to consider whether the decision itself, on the merits of the facts, was fair and reasonable;*
- (iii) the High Court, through judicial review, should not introduce technicalities of the court of law to the Industrial Court; this would certainly be so as s. 30(5) of the Act imposes a duty upon the Industrial Court to have regard to substantial merits of a case rather than to technicalities and it also requires the Industrial Court to decide a case in accordance with equity and good conscience;*
- (iv) the main and only function of the Industrial Court in dealing with a reference under s. 20 of the Act is to determine whether the misconduct or irregularities complained of by the management as to the grounds of dismissal were in fact committed by the workman and if so, whether such grounds constitute just cause or excuse for the dismissal;*

(v) *the Industrial Court should not be burdened with the technicalities regarding standard of proof, the rules of evidence and procedure that are applied in the court of law;*

(vi) *the High Court will not interfere with finding of facts by the Industrial Court unless the same are completely unsupported by evidence and further, will not interfere merely because it may come to different conclusions on facts on the basis of the same evidence; weighing and assessing the evidence of the witnesses is the function of the Industrial Court and not that of the High Court.”*

[14] Mahkamah Rayuan dalam kes *R Rama Chandran v. The Industrial Court of Malaysia & Anor* [1997] 1 CLJ 147 **menerimapakai keputusan** Lord Diplock dalam kes *Council of Civil Service Unions v. Minister for the Civil Service* [1985] AC 374 dan memutuskan semakan kehakiman bukan semata-mata berkisar kepada proses pembuatan keputusan atau “procedural impropriety”, tetapi juga Mahkamah perlu melihat sama ada keputusan yang dibuat oleh badan atau orang yang menjadi perkara kepada semakan kehakiman itu melibatkan ketakesahan di sisi undang-undang, ketakrasionalan, dan kewajaran hukuman (illegality, irrationality, and proportionality).

[15] Mahkamah Persekutuan seterusnya dalam kes *Alam Venture Sdn Bhd & Anor v. Abdul Aziz bin Abdul Majid & Ors* [2015] 5 CLJ 1, telah mengesahkan keputusannya dalam kes *Petroliam Nasional Bhd v. Nik Ramli Nik Hassan* [2003] 4 CLJ 625; [2004] 2 MLJ 288, dan menjelaskan bahawa prinsip-prinsip yang diputuskan dalam kes **P Rama Chandran** mengenai “illegality”, “irrationality”, “procedural impropriety” dan “proportionality” tidak terpakai dalam kes-kes melibatkan kepentingan awam serta keselamatan negara.

(Rujuk : *Ashbridge Investments Ltd v. Minister of Housing and Local Government* [1965] 1 WLR 1320; *Kumpulan Perangsang Selangor*

Bhd v. Zaid bin Hj Mohd Noh [1997] 2 CLJ 11, [1997] 1 MLJ 789; *Malayan Banking Bhd v. Association of Bank Officers, Peninsular Malaysia & Anor* [1988] 1 CLJ (Rep) 183, [1988] 3 MLJ 204; *Syarikat Kenderaan Melayu Kelantan Bhd v. Transport Workers' Union* [1995] 1 MLRA 268, [1995] 2 MLJ 317, [1995] 2 CLJ 748, [1995] 2 AMR 1601; *Jye Tai Precision Industrial (M) Sdn Bhd v. Victoria a/p Arulsamy* [2008] 1 CLJ 760; *Malaysian Trade Union Congress & Ors v. Menteri Tenaga, Air dan Komunikasi* [2014] 2 CLJ 525; *Cheah It Tee v. Lembaga Rayuan Negeri Pulau Pinang & Ors* [2019] 1 LNS 1581; *Ranjit Kaur a/p S Gopal Singh v. Hotel Excelsior (M) Sdn Bhd* [2010] 4 ILR 475, [2010] 8 CLJ 629, [2010] 6 MLJ 1)

[16] S. 9(4A) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 memperuntukkan setelah R1 menerima laporan dari R3 mengenai keengganan DSM membuat pengiktirafan menurut tempoh masa yang ditetapkan, R1 “may take such steps or make such enquiries to ascertain—

- (a) the competence of the trade union of workmen concerned to represent any workmen or class of workmen in respect of whom the recognition is sought to be accorded; and
- (b) by way of secret ballot, the percentage of the workmen or class of workmen, in respect of whom recognition is being sought, who are members of the trade union of workmen making the claim.”

[17] s. 9(4B) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pula memperuntukkan, bagi maksud R1 melaksanakan fungsinya yang dinyatakan di bawah s. 9(4A) tersebut, R1-

“(a) shall have the power to require the trade union of workmen, the employer, or the trade union of employers concerned to furnish such information as he may consider necessary or relevant within the period specified in the requirement;

- (c) *may refer to the Director General of Trade Unions for him to ascertain the competence of the trade union of workmen concerned to represent any workmen or class of workmen in respect of whom recognition is sought to be accorded, and the performance of duties and functions by the Director General of Trade Unions under this paragraph shall be deemed to be a performance of his duties and functions under the written law relating to the registration of trade unions; and*
- (d) *may enter any place of employment where any workmen in respect of whom a claim for recognition is sought to be accorded are being employed to examine any records or documents or to conduct secret ballot.”*

[18] Mahkamah ini dapati Exh LKW-3 kepada Afidavit Menyokong Permohonan Pemohon menunjukkan suatu surat 12/10/2017 dari Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Perak bagi pihak Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja yang ditujukan kepada DSM, menurut s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Antara lain, surat tersebut menyatakan terdapat keperluan siasatan oleh Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja (“JHEKS”) mengenai aktiviti DSM bagi menentukan kelayakan R3 dalam tuntutan R3 untuk mewakili pekerja-pekerja DSM. Lawatan JHEKS ke premis DSM dijalankan pada 2/11/2017. Selain itu DSM diminta menyediakan beberapa dokumen.

[19] Mahkamah ini mendapati –

- (i) Tatkala Ketua Pengarah Kesatuan Sekerja (“KPKS”) dirujuk oleh Ketua Pengarah Perhubungan Perusahaan (“KPPP”) menurut s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, peruntukan tersebut menyatakan apa yang perlu dibuat oleh KPKS ialah “for him to ascertain the competence of the trade union of workmen concerned

to represent any workmen or class of workmen in respect of whom recognition is sought to be accorded”.

- (ii) Ini bermakna, KPKS hendaklah membuat siasatan terhadap R3 dan bukannya terhadap DSM, seperti yang dinyatakan dalam surat bertarikh 12/10/2017 tersebut.
- (iii) Melalui surat KPPP kepada DSM bertarikh 7/12/2017 (Exh LKW-5), KPPP memaklumkan hasil siasatan yang dijalankan oleh pihak KPKS/JHEKS mendapati R3 layak mewakili pekerja-pekerja DSM. Namun demikian, tiada keterangan dikemukakan di hadapan Mahkamah ini yang menunjukkan bahawa pihak KPKS/JHEKS telah melakukan “ascertainment of the competence of R3” seperti yang dikehendaki oleh s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Adakah pihak KPKS/JHEKS membuat dapatan tersebut setelah ia melakukan siasatan terhadap DSM pada 2/11/2017? Jika ya, tentu sekali ini tidak mematuhi kehendak s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 kerana siasatan dibuat terhadap entiti yang silap iaitu DSM walhal siasatan itu sepatutnya dibuat terhadap R3 bagi menentukan kompetensi R3.

[20] Atas alasan tersebut, Mahkamah ini dapati prosedur yang digunapakai oleh pihak KPKS/JHEKS dalam menentukan R3 layak mewakili pekerja-pekerja DSM adalah terkhilaf dan tidak mematuhi kehendak s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967.

[21] Mahkamah ini dapati proses seterusnya yang berlaku adalah seperti berikut:

- (i) Melalui surat bertarikh 7/12/2017 dari KPPP kepada DSM tersebut, selain memaklumkan tentang dapatan R3, KPPP juga memaklumkan DSM untuk mengemukakan senarai pekerja-pekerja DSM bertujuan bagi KPPP mengambil

tindakan lanjut berkaitan permohonan pengiktirafan oleh R3.

- (ii) Selanjutnya, melalui surat bertarikh 22/2/2018 (Exh LKW-6), peguam DSM memaklumkan KPPP bahawa DSM akan membuat Semakan Kehakiman terhadap keputusan KPKS/JHEKS.
- (iii) Selanjutnya melalui surat bertarikh 7/3/2018 (Exh LKW-8), peguam DSM memaklumkan KPPP bahawa memandangkan R2 belum memberikan keputusannya menurut s. 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, maka tindakan DSM memfailkan semakan kehakiman akan menjadi pramatang. Maka KPPP dipohon mengemukakan syor kepada R2 dan pada masa sama KPPP hendaklah menengguhkan sebarang proses Undi Rahsia.

[22] Mahkamah ini dapati terdapat surat bertarikh 31/3/2018 dari KPPP kepada DSM (Exh LKW-9). Antara kandungan surat itu menyebut pendirian KPPP bahawa sebelum KPPP mengemukakan notifikasi kepada R2 untuk keputusannya di bawah s. 9(4C) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, KPPP hendaklah terlebih dahulu selesai melakukan segala perkara yang dinyatakan di bawah s. 9(4A) dan 9(4B) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Ini termasuklah melakukan Undi Rahsia terlebih dahulu.

[23] Mahkamah ini seterusnya dapati di Exh LKW-9 ditunjukkan keterangan mengenai suatu Memorandum Persetujuan Undi Rahsia bertarikh 5/4/2018 antara wakil DSM, wakil R3 dan wakil R1 – menurut Peraturan 9, Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009 -dimana semua pihak bersetuju untuk Undi Rahsia dijalankan pada 26/4/2018.

[24] Mahkamah ini dapati bahawa tarikh yang sama semasa Memorandum Persetujuan Undi Rahsia itu ditandatangani, Peguam

DSM menulis surat bertarikh 5/4/2018 kepada R2 untuk membuat rayuan di bawah s. 71A Akta Kesatuan Sekerja 1959. Juga terdapat e-mel bertarikh 24/4/2018 dari Pengurus Sumber Manusia Malayan Flour Mills (“MFM”) kepada wakil KPPP memaklumkan suatu semakan kehakiman telah difailkan. Melalui e-mel bertarikh 25/4/2018, wakil KPPP memaklumkan Pengurus Sumber Manusia MFM bahawa memandangkan tiada apa-apa perintah dari Mahkamah, maka Undi Rahsia hendaklah diteruskan. Proses Undi Rahsia diteruskan pada 26/4/2018, di mana 79% pekerja DSM memilih R3 mewakili mereka.

[25] s. 9(4C) dengan jelas memperuntukkan:

“Upon ascertaining the matter under subsection (4A), the Director General shall notify the Minister.”

[26] s. 9(5) pula jelas memperuntukkan bahawa keputusan sama ada R3 boleh diberikan pengiktirafan yang dipohonnya adalah terletak kepada Menteri untuk menentukannya.

[27] Saya telah meneliti Afidavit R2 dan Exh MKS-1 kepada afidavit itu menunjukkan bahawa KPPP telah mengemukakan laporannya kepada R2 menurut kehendak s. 9(4C) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 pada 7/6/2018. Namun kandungan laporan tersebut tidak dikemukakan untuk rujukan Mahkamah.

[28] Selanjutnya Exh MKS-2 kepada afidavit itu menunjukkan bahawa melalui Borang F (menurut peraturan 13(2) Peraturan-Peraturan Perhubungan Perusahaan 2009), pada 21/6/2018 R2 telah memutuskan menurut s. 9(5) Akta Perhubungan Perusahaan 1967 supaya DSM memberi pengiktirafan kepada R3 mulai 2/8/2017 kepada semua pekerja DSM, kecuali mereka yang dalam bidang tugas pengurusan, eksekutif, sulit, dan keselamatan.

[29] Mahkamah ini memutuskan tindakan pihak KPPP mengadakan Undi Rahsia pada 26/4/2018 adalah selaras dengan kehendak s.

9(4A)(b) dan 9(4B)(c) Akta Perhubungan Perusahaan 1967. Undi Rahsia ini hendaklah dijalankan sebelum KPPP mengemukakan laporannya kepada R2.

[30] Atas alasan ini, permohonan DSM di perenggan (a) Kandungan 1 adalah ditolak.

[31] Seperti yang saya telah sebutkan tadi, undang-undang dengan jelas memperuntukkan bukan R1 yang memutuskan bahawa R3 adalah layak mewakili pekerja-pekerja DSM tetapi YB Menteri Sumber Manusia, R2. Maka permohonan di perenggan (c) Kandungan 1 juga adalah ditolak.

[32] Saya memutuskan bahawa sejajar dengan dapatan saya mengenai kekhilafan KPKS/JHEKS mengenai pematuhan kehendak s. 9(4B)(b) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, maka saya membenarkan permohonan di perenggan (b) Kandungan 1 dan mengeluarkan suatu Mandamus yang mengehendaki R1 mengemukakan semula kepada KPKS/JHEKS “to ascertain the competence of” R3 untuk mewakili pekerja-pekerja DSM dengan mengambil tindakan sewajarnya terhadap R3 dan bukannya DSM seperti dilakukannya dengan salah sebelum ini. Seterusnya setelah proses ini selesai, KPKS/JHEKS hendaklah mengemukakan semula dapatannya kepada KPPP yang seterusnya akan mengemukakan laporan tambahan kepada laporan yang telah dikemukakannya sebelum ini kepada R2 pada 7/6/2018, menurut kehendak s. 9(4C) Akta Perhubungan Perusahaan 1967, untuk keputusan muktamad R2. Oleh itu perenggan (d) Kandungan 1 dibenarkan.

[33] Permohonan di perenggan (e) Kandungan 1 ditolak.

[34] Permohonan di perenggan (f) Kandungan 1 dibenarkan dengan pindaan sebegini: “Bahawa proses “collective bargaining” adalah ditangguhkan sehingga keputusan muktamad oleh YB Menteri.”.

Bertarikh: 13 MEI 2020

(MOHD RADZI HARUN)

Pesuruhjaya Kehakiman

Mahkamah Tinggi Malaya

Ipoh, Perak

Kaunsel:

*Bagi pihak pemohon - Pavalakodi Nadarajah; T/n Dharmen Sivalingam
& Partners Peguambela dan Peguamcara*

*Bagi pihak responden-responden - Hezlin Haldi, Peguam Kanan
Persekutuan; Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri*